

19 OCT 1996

Mahathir-AIDS

JANGAN HUKUM PESAKIT AIDS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat tidak harus menganggap AIDS sebagai penyakit orang jahat dan berdosa lalu membiarkan pesakit AIDS menanggung penderitaan.

Beliau berkata, masyarakat tidak harus menghukum pesakit AIDS tetapi sebaliknya perlu memberi simpati dan pertolongan kepada mereka sebagaimana pesakit lain.

"Bukanlah hak kita untuk menghukum mereka yang mendapat penyakit ini. Kita tidak boleh berkata penyakit mereka disebabkan kesalahan mereka sendiri," katanya ketika berucap pada majlis jamuan malam "Red Ribbon Gala" anjuran Yayasan AIDS Malaysia.

Yayasan itu dipengerusikan oleh anak beliau, Marina Mahathir.

Dr Mahathir berkata, sebagaimana masyarakat tidak boleh menghukum pesakit barah atau jantung, mereka juga tidak boleh menghukum pesakit AIDS, dan menambah kata: "Mungkin kita lebih berdosa daripada mereka".

Perdana Menteri mahu masyarakat memberi perhatian kepada masalah pesakit AIDS dan berusaha menolong mereka yang sudah dijangkiti dan menyedarkan mereka yang terdedah kepada penyakit itu.

Dr Mahathir juga melahirkan dukacitanya terhadap sikap sesetengah doktor yang enggan menangani kes AIDS, dengan itu menyebabkan beberapa orang doktor yang bersedia dengan penuh simpati merawat pesakit itu, terpaksa menghadapi tekanan.

"Ini tidak adil. Kita sepatutnya mengamalkan bidang perubatan mengikut semangat profesyen itu yang sebenarnya," kata beliau.

Katanya pesakit AIDS terpaksa menanggung stigma di samping menghadapi ketakutan yang sangat nyata, dan sikap doktor yang tidak bersimpati itu akan memburukkan lagi keadaan bagi mereka.

Dr Mahathir berkata, kesedaran mengenai usaha pencegahan penyakit AIDS perlu untuk mengelakkan lebih ramai penduduk negara ini menghidapinya dan sehubungan itu kesedaran mengenai bahaya dan langkah pencegahan perlu diperluaskan di kalangan pesakit AIDS dan masyarakat.

Katanya, kadar kes AIDS lebih tinggi di negara membangun dan negara miskin berbanding negara maju kerana masyarakat negara maju lebih terdedah kepada maklumat dan pengajaran tentang cara-cara mengelak daripada dijangkiti dan jika dijangkiti juga, mereka mendapat rawatan yang lebih lengkap dan sempurna.

Rawatan bagi setiap pesakit HIV positif dengan menggunakan sejenis ubat, yang hanya dapat memanjangkan umur memerlukan belanja RM35,000 setahun dan akibatnya hampir semua pesakit di negara miskin tidak diberikan apa-apa rawatan, katanya.

Dr Mahathir berkata, bilangan mereka yang menghidap AIDS/HIV positif di Malaysia kini berjumlah 17,000 orang tetapi beliau yakin bilangan sebenar jauh lebih banyak daripada itu kerana pesakit yang dikesan setakat ini terhad kepada mereka dalam kumpulan berisiko tinggi sahaja seperti penagih dadah dan pelacur.

"Mungkin ramai yang bukan penagih dadah dan bukan pelacur sudah dijangkiti HIV/AIDS tanpa dikesan oleh Kementerian Kesihatan, bahkan diketahui oleh pesakit sendiri," katanya.

Perdana Menteri mahu masyarakat menentukan bilangan pesakit AIDS tidak bertambah di negara ini.

Beliau meminta masyarakat mengambil tahu mengenai pengakit AIDS dan

mengambil bahagian dalam kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) seperti Majlis AIDS Malaysia (MAC) atau menghulur derma kepada badan-badan seperti itu.

Dr Mahathir turut memuji langkah mengadakan majlis jamuan malam ini untuk memungut derma supaya Yayasan AIDS Malaysia dapat menjalankan kegiatan penerangan dan pendidikan selain membolehkan MAC mengadakan program pencegahan dan menolong pesakit HIV/AIDS. -- BERNAMA

AFY NMO